



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	27/12/2019	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	IWK			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

## IWK perlu tingkat sistem pantau aset

**Shah Alam:** Indah Water Konsortium (IWK) perlu memperingkatkan sistem pengawasan terhadap asetnya bagi membantu mencegah insiden pencemaran sumber air seperti yang berlaku baru-baru ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han, berkata penguatkuasaan sumber air juga perlu membabitkan semua agensi.

Katanya, walaupun pencemaran berlaku pada Sabtu lalu di kawasan seliaan IWK, ia bukan salah agensi itu berikutan kawasan terbabit sunyi.

"Semua loji rawatan kumbahan IWK *unmanned* (tidak dioperasikan manusia), tiada orang jaga. Ia satu prosedur operasi standard biasa.

"Sungai Semenyih ini panjang. Tak kan kita nak tutup semua sistem kumbahan," katanya ketika mengulas kenyataan Menteri Air Tanah dan Sumber Asli, Dr A Xavier Jayakumar seperti dilaporkan *BH* kelmarin.